

# KENYATAAN MEDIA

---

## “PENIPUAN TAWARAN KONTRAK”

**KUALA LUMPUR**, - Sejak kebelakangan ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mendapat maklumat daripada orang awam, kontraktor serta pemain industri binaan dalam dan luar Negara mengenai beberapa kes penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan nama KKR sebagai subjek dalam aktiviti jenayah penipuan mereka.

Modus Operandi terkini yang digunakan adalah suspek menghubungi mangsa dengan menggunakan telefon melalui aplikasi ‘WhatsApp’ yang menawarkan kontrak, contohnya; Lebuhraya Negeri Sembilan ke Nilai seperti di bawah samaada secara kaedah rundingan terus atau tender daripada KKR. Suspek dalam pesanan ringkasnya akan menawarkan projek dengan mengenakan beberapa syarat bagi tujuan ‘membantu’ mangsa untuk memproses atau bagi membolehkan sesuatu projek palsu itu diperolehi daripada KKR ataupun Jabatan Kerja Raya (JKR). Penggunaan Modus Operandi ini merupakan taktik yang sering dikesan dan kerap digunakan oleh suspek.

Adalah disarankan agar orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada sekiranya menerima tawaran kontrak yang mencurigakan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Adalah juga disarankan agar orang ramai yang dihubungi oleh pihak tidak bertanggungjawab ini supaya merujuk segera kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) di talian 03-27714613 /4623 atau emel: **pro@kk.gov.my** untuk mendapatkan pengesahan atau menghubungi pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya. Elakkan daripada melakukan sebarang transaksi kewangan bagi kes berkenaan jika belum mendapat kepastian daripada KKR.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**  
**10 NOVEMBER 2017**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my